

# gi kemiskinan sejagat: PM

BH - 6 OCT 1988

**NEW YORK, Rabu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan sebuah badan antarabangsa diwujudkan bagi memerangi masalah kemiskinan yang semakin meruncing.**

Katanya, sebuah badan antarabangsa bagi menangani masalah kemiskinan perlu diwujudkan segera jika peradaban masa kini tidak mahu dikutuk oleh generasi akan datang.

"Peradaban masa kini akan dikutuk oleh generasi akan datang jika kita berjaya menghantar manusia ke bulan, tetapi tidak mampu membantu manusia miskin di bumi, sedangkan kosnya terlalu kecil.

"Meskipun kita perlu berbelanja beribu juta untuk senjata, memelihara keindahan alam, pokok, hutan, serangga dan sebagainya yang kita dakwa boleh meningkatkan mutu kehidupan manusia, tidak ada alasan mengapa kita mesti membiarkan berjuta insan hidup dalam kesengsaraan," katanya.

Berucap di Perhimpunan Agung Ke-34, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di sini petang semalam (jam 4 pagi 5 Oktober Malaysia), Perdana Menteri ber-

**Daripada AHMAD  
NAZRI ABDULLAH**

kata masalah kemiskinan tidak boleh diatasi dengan usaha badan kebajikan dan sukarela sahaja.

"Berjuta manusia menderma setiap kali rayuan membantu mangsa kemiskinan diadakan. Bagaimanapun, usaha ini tidak mencukupi kerana masalah kemiskinan dan kemelaratan terlalu besar," katanya.

Menurut Perdana Menteri di sesetengah negara masalah jurang pendapatan di antara yang miskin dan yang kaya tidak wujud kerana semuanya miskin.

## Terlantar

Katanya, masyarakat hari ini tidak perlu membayangkan bagaimana keadaan kemiskinan kerana setiap hari mereka boleh melihat gambaran sebenar melalui televisyen.

"Kita melihat kanak-kanak dikerumuni lalat. Kita melihat badan yang kurus kering tak bermaya. Kita melihat manusia terlantar ditimpa penyakit sehingga kita hairan bagaimana mereka masih hidup," ujarnya.

Cadangan Perdana Menteri supaya ditubuhkan badan antarabangsa memerangi kemiskinan mendapat tepukan gemuruh perwakilan. Sebaik sahaja selesai

menyampaikan ucapannya, perwakilan berbaris untuk mengucapkan tahniah kepadanya.

Beroakap kepada wartawan Malaysia selepas itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, usaha badan sukarela yang ada sekarang tidak cukup untuk membanteras kemiskinan.

Ditanya bentuk badan yang dimaksudkan, Perdana Menteri menerangkan badan antarabangsa sepenuh masa itu mestilah berbentuk multinasional supaya semua pihak sama-sama berjasa menghapuskan kemiskinan.

Katanya beliau juga memberitahu cadangannya itu kepada Presiden Perhimpunan Agung PBB Ke-34, Encik Dante Caputo, ketika mengunjunginya pagi tadi.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap perwakilan Malaysia akan berusaha menjadikan cadangan itu sebagai agenda PBB.

Dalam ucapannya selama kira-kira 40 minit, Perdana Menteri juga menyentuh soal demokrasi, ekonomi, dadah, perlucutan senjata dan isu-isu serantau.

Ini adalah kali keempat Perdana Menteri berucap di PBB. Kali pertama pada tahun 1981 Perdana Menteri mencadangkan diwujudkan badan antarabangsa untuk memelihara Benua Antartika yang kemudiannya diterima sebagai agenda PBB.